

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN
HAMZAH [JASIN]**

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta PERDANA
MENTERI menyatakan tindakan segera yang akan diambil untuk
mendepani tiga masalah utama yang sedang menghimpit rakyat iaitu :-**

- (a) kos sara hidup; dan
- (b) kadar pengangguran yang meningkat; manakala
- (c) kenaikan gaji pula tidak setara.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan isi rumah tidak mengalami kesan yang besar dalam peningkatan kos sara hidup ini, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi membendung kenaikan harga barangan, mengurangkan kadar pengangguran dan juga mengatasi masalah peningkatan pendapatan yang perlahan.

Antara langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi menangani kos sara hidup termasuklah:

- Menambahkan bilangan kedai yang menyediakan perkhidmatan dan barangan pada harga yang berpatutan seperti Kedai Harga Patut, Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Menu 1Malaysia dan Kedai Buku 1Malaysia;
- Membuka lebih banyak *MyFarm Outlet*, pasar tani kekal dan pasar ikan yang beroperasi setiap hari di beberapa lokasi terpilih bagi membekal produk pertanian yang segar pada harga yang berpatutan;
- Menguatkuasakan lagi pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Persaingan 2010 bagi meminimumkan keuntungan yang berlebihan dan menggalakkan persaingan perniagaan yang sihat; dan

- Meliberalisasikan kawalan kuota import atau AP, bagi lapan produk pertanian terpilih untuk tempoh sementara bagi memastikan bekalan yang konsisten bagi produk pertanian seperti biji kopi mentah, daging kerbau, lembu dan kambing.

Selain itu, antara inisiatif-inisiatif peningkatan pendapatan untuk meningkatkan kapasiti golongan berpendapatan rendah pula adalah seperti berikut:

- Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan bagi merencanakan penglibatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam aktiviti ekonomi;
- Menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar dari golongan miskin tegar yang berdaftar mengikuti kursus-kursus latihan kemahiran serta kemahiran asas MLVK melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya;
- Program Azam Bandar bertujuan membantu golongan miskin bandar supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan lebih tinggi; dan
- Menyediakan tambahan tunai sebanyak 50 ringgit bagi setiap 1 tan metrik padi bersih, sebagai insentif input pengeluaran padi di samping menambah baik pelaksanaan pemutuan sebenar padi melalui sistem penggredan standard.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah mencapai guna tenaga yang penuh (*full employment*) sejak 1992 di mana kadar pengangguran yang dicapai adalah kurang 4%. Walaupun kadar pengangguran masih berada pada tahap terkawal, masih terdapat isu pengangguran terutama di kalangan graduan. Oleh itu, antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan bagi menangani isu berkenaan termasuklah:

- Meneruskan pelaksanaan program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Graduan (GEMS) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Kedua-dua skim ini memberi manfaat kepada lebih 10,000 graduan pada 2015 dan akan ditingkatkan kepada 15,000 graduan pada 2016; dan
- Memperluas dan mempertingkatkan lagi penggunaan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) untuk melaksanakan program latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja terutama bagi yang diberhentikan oleh majikan yang berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata telah meningkat dari RM4,025 pada tahun 2009 kepada RM5,000 pada tahun 2012 dan kepada RM6,141 pada tahun 2014. Ini merupakan peningkatan sebanyak 8.8 peratus setahun. Manakala pendapatan kasar bulanan median juga meningkat daripada RM2,830 pada tahun 2009 kepada RM3,626 pada tahun 2012 dan kepada RM4,585 pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 10.1 peratus setahun. Sementara itu, Indeks harga pengguna telah meningkat dari 98.3 kepada 110.5 iaitu peningkatan sebanyak 2 peratus setahun dalam tempoh yang sama. Oleh itu, jelasnya, menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah meningkat lebih tinggi berbanding peningkatan kadar inflasi dalam jangka masa lima tahun terakhir ini.

Antara langkah-langkah untuk meningkatkan lagi pendapatan bersih isi rumah adalah:

- Pelaksanaan kenaikan gaji minimum mulai Julai 2016 dengan kadar daripada RM900 kepada RM1,000 di Semenanjung Malaysia dan daripada RM800 kepada RM920 di Sabah, Sarawak dan Labuan. Gaji minimum bagi penjawat awam pula ditetapkan sebanyak RM1,200;
- Pelaksanaan inisiatif bagi mengurangkan jurang pendapatan pengurusan atasan dan golongan pekerja secara berperingkat bermula di GLC dan turut digalakkan di sektor swasta;
- Pengurangan potongan caruman KWSP pekerja sebanyak 3% mulai Mac 2016 sehingga Disember 2017;

- Pelepasan khas cukai sebanyak RM2,000 kepada pembayar cukai individu berpendapatan RM8,000 sebulan ke bawah untuk tahun taksiran 2015; dan
- Menambah baik program Bantuan Rakyat 1Malaysia.

Sekian, terima kasih.